

Perkukuh tadbir urus TH berteras integriti serta dipandu nilai Islam



Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Undang-undang,
Universiti Utara
Malaysia

Oleh Dr Nur Syaedah Kamis
bhrencana@bh.com.my

Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Tabung Haji (TH) membuka lembaran baharu dalam usaha memperkukuh tadbir urus institusi awam di negara ini. Walaupun perhatian masyarakat banyak tertumpu kepada peneuman dan syor dikemukakan, hakikat lebih penting adalah bagaimana laporan berkenaan dapat menjadi pemangkin kepada reformasi institusi yang mampan.

Bagi sebuah institusi mengurus simpanan lebih sembilan juta pendeposit Islam, isu tadbir urus bukan sekadar berkaitan prestasi kewangan, tetapi turut menyen-

tuh soal amanah, integriti dan kepercayaan masyarakat.

Allah SWT berfirman: *"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil."* (Al-Nisa': 58)

Ayat ini menjadi asas kepada konsep tadbir urus Islam, iaitu setiap pemegang amanah wajib melaksanakan tanggungjawab secara adil, telus dan bertanggungjawab. Dalam konteks TH, amanah berkenaan bukan sahaja membabitkan pengurusan da-

awam dalam skala besar, TH juga perlu menghayati prinsip digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, khususnya berkaitan kebebasan lembaga pengarah, pengurusan risiko, integriti, ketelusan dan akauntabiliti.

Laporan RCI memperlihatkan kelemahan tadbir urus lazimnya bukan berpunca daripada satu keputusan silap, tetapi daripada kelemahan sistem membenarkan risiko berkenaan berlaku.

Apabila sempadan antara tadbir urus dengan pentadbiran menjadi kabur, mekanisme semak danimbang menjadi lemah, konflik kepentingan tidak diurus dengan baik serta budaya akauntabiliti semakin terhakis, maka institusi akan terdedah kepada salah urus walaupun mempunyai objektif murni.

Dalam Islam, akauntabiliti tidak terhad kepada pengawasan manusia semata-mata. Setiap pemegang amanah juga bertanggungjawab di hadapan

“ Reputasi sesebuah institusi Islam bukan hanya bergantung kepada pematuhan syariah dalam

Allah SWT. Firman-Nya:

"Wahai orang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan janganlah kamu mengkhianati amanah yang dipercayakan kepada kamu, sedangkan kamu mengetahuinya." (Al-Anfal: 27)

Prinsip ini memberi dimensi lebih luas kepada tadbir urus. Integriti bukan sekadar mengelakkan pelanggaran undang-undang, tetapi membentuk kesedaran bahawa setiap keputusan akan dipersoalkan di dunia dan di akhirat. Nilai inilah yang membezakan tadbir urus Islam daripada pendekatan konvensional yang lebih menumpukan kepada pematuhan prosedur dan penguatkuasaan.

Selain itu, aspek pencegahan rasuah dan penyalahgunaan kuasa perlu terus diperkasakan. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), khususnya Seksyen 17A mengenai liabiliti organisasi, menegaskan organisasi perlu mempunyai prosedur mencukupi untuk mencegah perlakuan rasuah.

Prinsip ini amat relevan kepada semua institusi amanah kerana tadbir urus yang baik bukan hanya bertindak selepas berlakunya pelanggaran, tetapi membina sistem yang mampu mencegah risiko sebelum ia berlaku.

Dana diurus amanah umat Islam

Lebih penting lagi, reformasi tadbir urus perlu mengambil kira maqasid syariah, khususnya objektif

na pendeposit, tetapi juga menjaga keyakinan umat Islam terhadap institusi diwujudkan bagi memudahkan ibadah haji.

Dari perspektif perundangan, TH ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) yang memperuntukkan fungsi, kuasa dan tanggungjawab TH dalam mengurus deposit, pelaburan dan kebajikan pendeposit.

Bagaimanapun, pematuhan kepada akta sahaja tidak memadai sekiranya tidak disokong sistem tadbir urus berkesan. Sebagai institusi mengurus dana

produk dan transaksi, tetapi juga kepada kekuatan tadbir urus yang mendukung amanah, keadilan, integriti dan akauntabiliti



hifz al-mal (memelihara harta). Dana diurus TH bukan sekadar aset kewangan, tetapi amanah umat Islam yang perlu diurus secara berhemat, telus dan bertanggungjawab.

Oleh itu, setiap keputusan pelaburan hendaklah menyeimbangkan pulangan kewangan dengan pengurusan risiko, pematuhan syariah dan kepentingan jangka panjang pendeposit.

Sehubungan itu, reformasi selepas RCI tidak seharusnya berhenti kepada pelaksanaan syor semata-mata. Sudah tiba masanya Akta Tabung Haji 1995 diteliti semula bagi memasukkan elemen tadbir urus lebih komprehensif, termasuk penilaian berkala terhadap keberkesanan lembaga pengarah, dasar pengurusan konflik kepentingan, mekanisme perlindungan pemberi maklumat (*whistleblower*), keperluan pendedahan tadbir urus yang lebih telus serta pengukuhan fungsi audit dan pengurusan risiko.

Langkah ini akan memperkukuh kepercayaan awam dan memastikan institusi sentiasa bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Pengajaran daripada RCI TH bukan hanya relevan kepada institusi itu, tetapi kepada semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan berkanun dan institusi kewangan Islam di negara ini. Reputasi sesebuah institusi Islam bukan hanya bergantung kepada pematuhan syariah dalam produk dan transaksi, tetapi juga kepada kekuatan tadbir urus yang mendukung amanah, keadilan, integriti dan akauntabiliti.

Akhirnya, reformasi sebenar bukan diukur melalui jumlah syor berjaya dilaksanakan, tetapi sejauh mana nilai berkenaan menjadi budaya organisasi. Kepercayaan rakyat ialah aset paling bernilai bagi mana-mana institusi.

Apabila undang-undang yang baik diperkukuh dengan tadbir urus berintegriti dan dipandu nilai Islam, maka barulah sebuah institusi benar-benar mampu melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya serta menjadi contoh kepada institusi awam lain.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH